

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
(KUALA KANGSAR)**

SOALAN :

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID (KUALA KANGSAR) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kategori-kategori tanah wakaf sedia ada milik Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu di negeri-negeri Semenanjung dan rancangan-rancangan pembangunan ke atas tanah-tanah tersebut.

JAWAPAN :

**YB DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Umumnya wakaf terbahagi kepada 2 kategori, iaitu **Wakaf Ahli** yang dikhususkan manfaatnya kepada ahli keluarga dan **Wakaf Khairi**. Wakaf Khairi pula terbahagi kepada Wakaf Am dan Wakaf Khas (sumber: Manual Pengurusan Tanah Wakaf).

Kategori tanah wakaf sedia ada milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah sama ada pertanian, bangunan atau perusahaan (perindustrian) sebagaimana yang dinyatakan di dalam geran.

Berdasarkan kepada Kajian Pelan Induk Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf di Malaysia, semua tanah-tanah wakaf yang telah

NO. SOALAN : 273

dibangunkan atau yang akan dibangunkan adalah berdasarkan kepada kategori-kategori berikut:

1. Keagamaan
2. Pendidikan
3. Kesihatan
4. Pertanian (industri makanan / penternakan / perladangan)
5. Perumahan
6. Perniagaan dan perkhidmatan
7. Infrastruktur dan kemudahan

Tuan Yang Dipertua,

Sebagai sebuah Kerajaan Persekutuan dan menerusi pembahagian kuasa perundangan antara persekutuan dengan negeri dalam Perlembagaan Persekutuan, undang-undang wakaf di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa negeri dan pentadbirannya diperuntukkan dalam enakmen pentadbiran agama Islam atau enakmen undang-undang Islam di setiap negeri seperti mana yang dinyatakan di dalam Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, MAIN selaku pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sama ada berbentuk harta alih atau harta tak alih di negeri masing-masing dan bertanggungjawab untuk memastikan harta wakaf diuruskan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian, sebarang bentuk dan jenis wakaf yang hendak dilaksanakan perlulah mendapat kebenaran dari MAIN yang terlibat sepertimana yang dinyatakan di dalam enakmen wakaf dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.